

Headline	TNB labur dalam teknologi baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,195		



# TNB labur dalam teknologi baharu

KUALA LUMPUR 22 Dis. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan terus melabur dalam teknologi baharu bagi operasi utamanya iaitu Penjanaan, Penghantaran dan Pembahagian untuk meningkatkan lagi kecekapan, kata Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir. Azman Mohd.

“Penjanaan arang batu baharu kami dilengkapi dengan teknologi dandang super-kritikal terkini, manakala Bahagian Penghantaran dan Pembahagian kami sedang melaksanakan komponen terbaharu bagi operasi grid pintar.

“Sebagai contoh, sistem *Distribution Automation* yang kami pasang akan membolehkan kami mengurangkan kerugian, mengesan kerosakan dan memulihkan bekalan dengan lebih cekap. Pra-

sarana perintis ini dirancang dilaksanakan di Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan Bayan Lepas, Pulau Pinang,” katanya dalam Laporan Tahunan 2013 syarikat.

Hasil daripada pelaburan dalam teknologi baru-baru ini, Azman berkata, TNB mencatatkan Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem (SAIDI) yang memberangsangkan pada 64.63 minit bagi setiap pelanggan setahun, yang setanding dengan tahap kebolehpercayaan penyedia per-

khidmatan rangkaian di negara-negara maju.

Bagi memanfaatkan teknologi untuk memberi keselesaan kepada pelanggan, TNB telah memperkenalkan myTNB, aplikasi mudah alih pertamanya yang membolehkan pengguna memeriksa maklumat bil, status permohonan dan lokasi pusat

pelanggan TNB.

“Kami juga berusaha mendekati pelanggan kami dan membolehkan mereka berkomunikasi dengan kami menerusi SMS, e-mel atau sistem respons serta-merta kami di Facebook dan Webchat,” katanya.

TNB juga menambahkan bilangan Kios Pembayaran di Pusat Khidmat Pelanggannya kepada 30 dan sebanyak 37 kios baharu akan ditambah dalam Tahun Kewangan 2014, kata Azman.

Selain itu, pelanggan TNB kini boleh membayar bil mereka di 790 cawangan Kedai Mesra Petronas kerana kemudahan pembayaran tunai ini telah disediakan sejak Mei tahun ini.

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos, 2013, TNB mencatatkan Keuntungan Bersih sebelum Terjemahan Pertukaran Asing sebanyak RM4.12 bilion disumbang terutamanya daripada harga arang batu rendah. - **BERNAMA**



AZMAN MOHD.

Headline	TNB labur dalam teknologi baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,195		

